# PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025
# NEGERI PERLIS

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

**PENDIDIKAN ISLAM** **1223/1 (PP)**
**(Kertas 1)**

**Peraturan Pemarkahan**
**Julai**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

---

**Peraturan pemarkahan ini mengandungi 15 halaman bercetak**

| SOALAN | | | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | Dua bentuk perbuatan mempersendakan agama.<br><br>- Berasa bangga mempersendakan nama Allah<br>- Mengejek dan menghina sunnah Rasulullah SAW<br>- Menghina golongan ulamak dan orang soleh<br>- Mentafsir Al Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata.<br>- Menyanjung perbuatan maksiat.<br>- Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. | 2 isi x 1m<br>=2m |
| | | (ii) | Cara menjaga kesucian Islam:<br><br>- Memperkasakan program keilmuan tentang akidah **yang** berbentuk bimbingan di semua lapisan masyarakat.<br>- Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW **agar** akidah terpelihara.<br>- Meningkatkan kualiti ibadah fardu dan sunat **supaya** dapat meningkatkan keimanan.<br>- Meninggalkan segala perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian Islam seperti menyanjung perbuatan maksiat.<br>- Mengamalkan amar makruf nahi munkar **supaya** kesejahteraan umat terpelihara.<br>- Penguatkuasaan undang-undang **dengan** mengenakan hukuman dan denda yang berat kepada pesalah.<br>- Melazimi ibadat sunat seperti berzikir dan berdoa.<br><br>**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 1 isi x 2m<br>=2m<br><br>I=1m<br>H=1m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>‘Sekejap pakai tudung, sekejap buka... main-main pula dia kan.. rasa nak pakai,pakai... rasa tak nak pakai dia tak pakai”.<br><br>Berdasarkan monolog di atas,sebagai seorang rakan bagaimanakah anda menangani situasi tersebut?<br><br>
<table>
<tr><th>RUBRIK PENSKORAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi dan huraian</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh</td><td>3 markah</td></tr>
<tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td><td>4 markah</td></tr>
</table>
<br>Fokus Jawapan: Cara anda sebagai rakan menangani situasi mempersenda agama ( sekejap pakai tudung,sekejap buka )<br>Cadangan Isi:<br><br>- Menasihati rakan dengan cara berhikmah.<br>- Mengajak rakan mengikuti kelas-kelas agama.<br>- Menghadiahkan buku-buku agama.<br>- Memberi contoh teladan yang baik dalam etika berpakaian.<br>- Menyebarkan maklumat tentang adab berpakaian menurut Islam.<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud kalimah yang bergaris:<br><br><u>مَسْئُولٌ</u> : bertanggungjawab<br><u>وَالْخَادِمُ</u> : dan pekerja / pekerja</td><td>2 isi x 1m<br>=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua nasihat Luqman Al-Hakim kepada anaknya:<br><br>- Mengesakan Allah.<br>- Berbuat baik kepada kedua ibu bapa.<br>- Sentiasa bersyukur kepada Allah SWT dan menghargai kedua-dua ibu bapa.<br>- Setiap perbuatan baik atau jahat akan diberi balasan oleh Allah SWT.<br>- Dirikan solat.<br>- Laksanakan amar ma’ruf dan nahi munkar.<br>- Bersabar atas segala maksiat.<br>- Menjauhi sikap sombong.<br>- Elokkan percakapan.</td><td>2 isi x 1m<br>=2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | (iii) | Apakah tanggungjawab anak terhadap ibu bapa? Huraikan.<br><br>**RUBRIK PENSKORAN** / **MARKAH**<br>Menyatakan isi sahaja — 1 markah<br>Menyatakan isi dan huraian — 2 markah<br><br>**Cadangan jawapan:**<br>- Berbakti kepada ibu bapa sewaktu mereka masih hidup atau telah meninggal dunia **supaya** bahagia dunia akhirat.<br>- Sentiasa mendoakan mereka **agar** mereka hidup dalam kesejahteraan<br>- Sentiasa membantu mereka dalam urusan harian **demi** meringankan bebanan mereka.<br><br>**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2m |
| | | (iv) | Ramalkan akibat sekiranya mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa.<br><br>**RUBRIK PENSKORAN** / **MARKAH**<br>Menyatakan isi sahaja — 1 markah<br>Menyatakan isi dan huraian — 2 markah<br>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh — 3 markah<br>Membuat kesimpulan atau olahan menarik — 4 markah<br><br>Fokus Jawapan: Kesan buruk mengabaikan tanggungjawab<br>**Cadangan isi:**<br>- Dimurkai Allah / hidup tidak diberkati Allah SWT.<br>- Kehidupan tidak bahagia dunia dan akhirat.<br>- Kehidupan mereka tidak terurus sewaktu mereka tua.<br>- Mendapat balasan neraka.<br>- Hubungan kekeluargaan retak.<br>- Mendapat dosa.<br><br>**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 4m |
| | (c) | | Dua jenis *ibtida'*.<br>- *Ibtida'* Hasan<br>- *Ibtida'* Qabih | 2 isi x 1m<br>=2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | Maksud al-Muntaqim:<br><br>Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas / dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas. | 1 isi x 2m =2m |
| | | (ii) | Bukti kefahaman mengenai nama Allah al-Muntaqim:<br><br>- Allah memberikan pembalasan dengan seksaan neraka / terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.<br>- Allah menimpakan azab dalam peristiwa al-Dukhan, / iaitu kaum musyrikin ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka / kerana mereka menolak dakwah Rasulullah SAW.<br>- Allah SWT memberikan pembalasan / terhadap golongan yang menentang agama-Nya / setelah diutuskan rasul dan diberikan keterangan yang jelas. | 1 isi x 2m =2m |
| | | (iii) | Mengapakah kejadian ini berlaku? Huraikan.<br><br>**RUBRIK PENSKORAN** — **MARKAH**<br>Menyatakan isi sahaja — 1 markah<br>Menyatakan isi dan huraian — 2 markah<br><br>**Fokus Jawapan:** punca /faktor /sebab<br>**Cadangan jawapan:**<br><br>- Kerakusan sikap manusia terhadap pembangunan **tanpa** memelihara alam sekitar.<br>- Pembangunan tidak terkawal **kerana** mementingkan keuntungan semata-mata.<br>- Pemanasan global **menyebabkan** cuaca dunia semakin meningkat.<br><br>**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | (iv) | Bagaimanakah peristiwa ini memberi pengajaran kepada manusia? | 4m |

| RUBRIK PENSKORAN | MARKAH |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1 markah |
| Menyatakan isi dan huraian | 2 markah |
| Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh | 3 markah |
| Membuat kesimpulan atau olahan menarik | 4 markah |

Fokus Jawapan: Bagaimana (cara ) sifat Al Muntaqim dapat memberi pengajaran kepada manusia.
**Cadangan Isi:**

- Memberi peringatan dan amaran tentang azab Allah SWT.
- Menyedari kekuasaan Allah SWT yang Maha Pembalas.
- Meyakini kepentingan hidup berakhlak dan mengikut perintah Allah SWT.

**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | Maksud Ahli Sunnah Wal Jamaah:<br><br>Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan al-Sunnah / menerusi para sahabat dan tabiin serta tabi' tabi'in / dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak. | 1 isi x 2m =2m |
| | | (ii) | Dua prinsip ASWJ:<br><br>- Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan perbuatan sebagai bukti kesempurnaan iman.<br>- Segala perbuatan manusia dicipta oleh Allah SWT, namun manusia diberi pilihan atau kehendak untuk melakukannya ataupun tidak serta dihitung baginya dosa dan pahala.<br>- Meyakini kewujudan perkara-perkara ghaib seperti yang diwahyukan dalam al-Quran dan al-Sunnah antaranya termasuklah persoalan kubur, hari akhirat, titian sirat, mizan, malaikat, jin dan sebagainya.<br>- Meyakini bahawa syurga dan neraka telah wujud, sebelum dijadikan makhluk.<br>- Syafaat Rasulullah SAW adalah dengan izin Tuhannya, termasuklah syafaat baginda untuk pelaku dosa besar kerana mereka masih dikira beriman.<br>- Perutusan para nabi dan rasul adalah harus bagi Allah SWT dan merupakan rahmat bagi manusia. | 2 isi x 2m =4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | (iii) | Berdasarkan gambar di atas, mengapakah penting berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah? | 4m |

| **RUBRIK PENSKORAN** | **MARKAH** |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1 markah |
| Menyatakan isi dan huraian | 2 markah |
| Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh | 3 markah |
| Membuat kesimpulan atau olahan menarik | 4 markah |

Fokus Jawapan: Kepentingan berpegang kepada ASWJ
**Cadangan isi:**

- Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan **kerana** berpegang dengan akidah yang benar.
- Memelihara kesucian agama Islam **daripada** unsur-unsur yang boleh memesongkan akidah
- Menjamin keamanan negara **kerana** terselamat daripada ancaman pengaruh ajaran luar.
- Menghindarkan umat Islam daripada fahaman yang melampau
- Membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan.
- Mendapat keredaan Allah SWT **kerana** berada pada jalan yang benar.

**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | (a) | (i) | Maksud solat sunat duha:<br><br>Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari. | 1 isi x 2m<br>=2m |
| | | (ii) | Kaifiat menunaikan solat sunat duha. | 2 isi x 2m<br>=4m |

| | | |
|---|---|---|
| Niat | Sahaja aku solat sunat duha dua rakaat kerana Allah Taala | |
| Bilangan rakaat | 2, 4, 6 atau 8 rakaat | |
| Cara pelaksanaan | Digalakkan secara bersendirian | |
| Bacaan dalam solat | Rakaat Pertama | Rakaat Kedua |
| | Surah al-Fatihah | |
| | Surah al-Syams atau surah lain | Surah al-Duha atau surah lain |
| Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam | | |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Bagaimanakah amalan solat sunat duha membentuk peribadi pelajar yang cemerlang dunia dan akhirat? Huraikan.<br><br><table><tr><th>RUBRIK PENSKORAN</th><th>MARKAH</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menyatakan isi dan huraian</td><td>2 markah</td></tr><tr><td>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh</td><td>3 markah</td></tr><tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td><td>4 markah</td></tr></table><br>Fokus Jawapan: Hikmah solat sunat Duha<br>Cadangan isi:<br><br>- Membentuk disiplin diri.<br>- Menanam rasa syukur kepada Allah.<br>- Meningkatkan ketenangan jiwa.<br>- Membentuk hubungan rapat dengan Allah.<br>- Mendidik nilai istiqamah dan komitmen.<br>- Menjadi pelajar yang positif dan berakhlak mulia.<br>- Membuka pintu rezeki dan keberkatan dalam kehidupan.<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua daripada tangggungjawab suami:<br><br>- Menyediakan segala keperluan asas untuk isteri dan anak-anak mengikut kemampuan suami.<br>- Memberikan kasih sayang, belas kasihan serta nafkah batin bagi memenuhi keperluan isteri.<br>- Memberi layanan yang baik kepada isteri.<br>- Memberi ilmu pengetahuan / didikan agama secukupnya kepada isteri dan anak-anak.<br>- Menyelesaikan mahar yang belum dijelaskan.</td><td>2 isi x 2m<br>=4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Mengapakah situasi di atas berlaku? Huraikan.<br><br>**RUBRIK PENSKORAN** / **MARKAH**<br>Menyatakan isi sahaja — 1 markah<br>Menyatakan isi dan huraian — 2 markah<br><br>**Cadangan jawapan:**<br>- Kurang didikan agama yang kukuh **menyebabkan** seseorang gagal mengawal emosi dan bertindak tanpa batas.<br>- Kegagalan memahami tanggungjawab dalam rumahtangga **menyebabkan** berlaku pergaduhan suami isteri.<br>- Penyalahgunaan dadah **yang** membawa kepada tindakan tidak rasional dan ganas.<br><br>**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2m |
| | | (iii) | Bincangkan implikasi yang akan timbul sekiranya isu keganasan rumah tangga tidak ditangani dengan sewajarnya.<br><br>**RUBRIK PENSKORAN** / **MARKAH**<br>Menyatakan isi sahaja — 1 markah<br>Menyatakan isi dan huraian — 2 markah<br>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh — 3 markah<br>Membuat kesimpulan atau olahan menarik — 4 markah<br><br>Fokus jawapan: Kesan buruk tidak menangani isu keganasan rumah tangga.<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Keretakan rumah tangga.<br>- Emosi terganggu.<br>- Kurang / hilang kasih sayang.<br>- Timbul perasaan dendam.<br><br>**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 4m |

<table>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Sejarah ringkas kerajaan Umaiyah secara ringkas:<br><br>
<table>
<tr><td>Asal kerajaan</td><td>Bersempena nama Umaiyah bin Abd al-Syam bin Abd al-Manaf iaitu salah seorang daripada pemimpin keturunan Quraisy.</td></tr>
<tr><td>Pengasas</td><td>Muawiyah bin Abi Sufian</td></tr>
<tr><td>Tempoh memerintah</td><td>Tahun 41 Hijrah hingga 132 Hijrah</td></tr>
<tr><td>Keluasan kerajaan</td><td>Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah.</td></tr>
<tr><td>Bilangan khalifah</td><td>14 orang khalifah</td></tr>
<tr><td>Khalifah yang terkenal</td><td>1. Muawiyah bin Abi Sufian<br>2. Abdul Malik bin Marwan<br>3. Al-Walid bin Abdul Malik<br>4. Umar bin Abdul Aziz</td></tr>
<tr><td>Khalifah pertama</td><td>Muawiyah bin Abi Sufian</td></tr>
<tr><td>Khalifah terakhir</td><td>Marwan bin Muhammad</td></tr>
<tr><td>Pusat pemerintahan</td><td>Damsyik, Syria.</td></tr>
</table>
</td><td>3 isi x 1m<br>=3m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Huraikan peranan anda dalam memberi sumbangan kepada negara.<br>
<table>
<tr><th>RUBRIK PENSKORAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi dan huraian</td><td>2 markah</td></tr>
</table>
<br>
Fokus Jawapan: Cara anda memberi sumbangan kepada negara.<br>
Cadangan jawapan:<br><br>
- Belajar dengan tekun untuk menjadi tenaga kerja yang berilmu dan berkemahiran tinggi.<br>
- Membentuk masyarakat yang berintegriti dalam membina negara yang aman dan sejahtera.<br>
- Menyertai aktiviti kebajikan atau sukarelawan dalam menyemai semangat patriotisme kepada negara.<br>
- Menyertai aktiviti sukan, seni, atau inovasi yang boleh mengharumkan nama negara.<br>
- Membantu dengan mengitar semula, menjimatkan tenaga, dan mengurangkan pencemaran demi menyokong kelestarian alam untuk generasi akan datang.<br>
- Mematuhi peraturan sekolah dan undang-undang negara ke arah membentuk masyarakat yang harmoni dan tertib.<br><br>
Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.
</td><td>2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Mengapakah umat Islam perlu mengambil iktibar daripada pemerintahan khalifah Umar bin Abdul Aziz? Huraikan.<br><br>
<table>
<tr><th>RUBRIK PENSKORAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi dan huraian</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh</td><td>3 markah</td></tr>
<tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td><td>4 markah</td></tr>
</table>
<br>Fokus jawapan: Hikmah/ kesan apabila pemerintah adil/tegas.<br>Cadangan isi:<br><br>
- Keadilan dan syariat Islam dapat ditegakkan.<br>
- Kebajikan rakyat akan terjamin<br>
- Kezaliman dan penindasan dapat dihapuskan<br>
- Pemimpin dan rakyat dapat hidup bekerjasama dan harmoni<br>
- Kedaulatan negara dipertahankan<br>
- Memberi sumbangan ke arah pembangunan negara.<br><br>
Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim:<br>
<table>
<tr><td>Nama penuh</td><td>Ahmad bin Muhamad Ibrahim</td></tr>
<tr><td>Tarikh lahir</td><td>15 Mei 1916</td></tr>
<tr><td>Tarikh meninggal dunia</td><td>17 April 1999</td></tr>
<tr><td>Gelaran</td><td>Profesor Emeritus Tan Sri Doktor</td></tr>
<tr><td>Pekerjaan</td><td>1) Pensyarah kuliah Undang-Undang di UIA Malaysia<br>2) Hakim Mahkamah Rayuan & Mahkamah Syariah</td></tr>
<tr><td>Ketinggian akhlak</td><td>1) Suka menyebarkan ilmu<br>2) Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan</td></tr>
<tr><td>Tahap Pendidikan</td><td>1) Victoria Bridge School,Singapura<br>2) Raffles Institution, Singapura<br>3) Raffles College, Singapura<br>4) University of Cambridge</td></tr>
</table></td><td>3 isi x 1m<br>=3m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Sumbangan Ahmad bin Ibrahim:<br><br><table><tr><td>Hasil karya</td><td>- Buku Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia / buku Family Law in Malaysia<br>- Pelopor Jurnal Hukum<br>- buku Sistem Undang-undang Malaysia / buku Islamic Law in Malaysia</td></tr><tr><td>Kehakiman</td><td>- Hakim Mahkamah Rayuan<br>- Hakim Mahkamah Syariah</td></tr><tr><td>Perundangan</td><td>- Anggota Panel Pengasas Kuliah Undang-Undang di UIAM<br>- Pengasas dan penggubal Enakmen Undang-undang Islam Kelantan</td></tr></table></td><td>2 isi x 2m<br>=4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>“Orang yang takut kepada Tuhan, tidak akan mengkhianati keadilan.” - HAMKA<br><br>Berikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.<br><br><table><tr><th>RUBRIK PENSKORAN</th><th>MARKAH</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menyatakan isi dan huraian</td><td>2 markah</td></tr><tr><td>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh</td><td>3 markah</td></tr><tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td><td>4 markah</td></tr></table><br>Fokus jawapan: Sokongan bahawa orang yang takut kepada Allah akan berlaku adil.<br>Cadangan isi:<br><br>- Sentiasa bersikap benar.<br>- Sentiasa berwaspada dalam tutur kata dan perbuatan.<br>- Sentiasa jujur dalam menunaikan tanggungjawab.<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud khauf:<br><br>Takut kepada kepada kemurkaan dan azab Allah SWT / dengan menjauhi segala larangan-Nya.</td><td>1 isi x 2m<br>=2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Dua hikmah khauf dan raja':<br><br>- Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah.<br>- Melahirkan insan yang bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan.<br>- Mendidik jiwa insan agar sentiasa menjauhi larangan Allah.<br>- Melahirkan insan yang sentiasa gembira melakukan kebaikan.<br>- Melahirkan insan yang sentiasa bertawakal kepada Allah.<br><br>**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m =4m |
| | | (iii) | Bincangkan tindakan yang sewajarnya diambil oleh remaja dalam gambar di atas.<br><br>**RUBRIK PENSKORAN** — **MARKAH**<br>Menyatakan isi sahaja — 1 markah<br>Menyatakan isi dan huraian — 2 markah<br>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh — 3 markah<br>Membuat kesimpulan atau olahan menarik — 4 markah<br><br>Fokus jawapan: Sifat KHAUF<br>**Cadangan isi:**<br><br>- Bertaubat / memohon keampunan daripada SWT.<br>- Meninggalkan kejahatan yang dilakukan dan berazam tidak akan mengulanginya lagi.<br>- Memohon petunjuk Allah ke jalan benar<br>- Bergaul dengan ulamak/orang soleh.<br>- Sentiasa mengingati mati<br>- Mengambil iktibar dari kisah kaum terdahulu<br><br>**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 4m |
| | (b) | (i) | Maksud alam sekitar:<br><br>Segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia. | 1 isi x 2m =2m |

Rubrik (iii):

| RUBRIK PENSKORAN | MARKAH |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1 markah |
| Menyatakan isi dan huraian | 2 markah |
| Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh | 3 markah |
| Membuat kesimpulan atau olahan menarik | 4 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Dua adab menjaga alam sekitar:<br><br>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna.<br>- Sentiasa memelihara alam sekitar.<br>- Sentiasa memulihara alam sekitar.<br>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar.<br>- Sentiasa menjaga kelestarian alam.<br>- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam.<br>- Sentiasa berhikmah dan tidak membazir menggunakan sumber air.<br>- Sentiasa mengamalkan kitar semula.<br><br>**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m =2m |
| | | (iii) | Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku jika situasi di atas tidak dibendung dengan segera.<br><br>**RUBRIK PENSKORAN** — **MARKAH**<br>Menyatakan isi sahaja — 1 markah<br>Menyatakan isi dan alasan — 2 markah<br><br>Fokus Jawapan: Kesan buruk pencemaran sungai.<br>**Cadangan jawapan:**<br><br>- Negara akan dipandang serong oleh negara lain **kerana** tidak menjaga kelestarian sungai dengan sebaiknya.<br>- Sumber makanan akan musnah **kerana** hidupan dalam air akan pupus.<br>- Mendatangkan banyak penyakit **kerana** keadaan sungai yang kotor.<br><br>**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Anda sebagai seorang ketua kelab pencinta alam sekitar, cadangkan satu aktiviti bagi menangani pencemaran alam. | 4m |

| RUBRIK PENSKORAN | MARKAH |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1 markah |
| Menyatakan isi dan huraian | 2 markah |
| Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh | 3 markah |
| Membuat kesimpulan atau olahan menarik | 4 markah |

**Cadangan isi:**

- Mengadakan program kitar semula dengan kerjasama jabatan alam sekitar.
- Mengadakan kempen kesedaran melalui jaringan digital.
- Mengadakan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar.

**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.

**SKEMA JAWAPAN TAMAT**